

25/05/1999

Projek MSC ikut jadual

Abdul Halim Yusoff

KOMITMEN kerajaan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC) kekal kukuh dan projek itu dilaksanakan mengikut jadual, kata Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi Multimedia Development Corporation (MDC), Dr Mohamed Arif Nun.

"MSC sebenarnya berjalan seperti yang dirancang," katanya pada sidang media khas mengumumkan perkembangan terbaru MSC di Cyberjaya semalam, sekali gus menafikan dakwaan media asing projek itu ditangguhkan berikutan krisis ekonomi.

Hadir sama pada sidang media itu ialah Ketua Eksekutif Setia Haruman Sdn Bhd (pemaju Cyberjaya), Datuk Abdul Karim Abu Bakar dan Pengurus Besar Bahagian MSC & Projek Mega Telekom Malaysia, Datuk Mohd Taib Hassan.

Mohamed Arif berkata, sejak 1996, sejumlah 279 syarikat sudah memohon mendapatkan status MSC dan daripada jumlah itu 216 diluluskan.

Ketika ini 29 permohonan sedang diproses. Syarikat yang diberi status MSC diberi beberapa insentif oleh kerajaan di bawah Bil Jaminan.

Antaranya, adalah pembekalan prasarana maklumat dan fizikal bertaraf dunia, membenarkan penggunaan pekerja asing yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tinggi dalam IT tanpa sekatan dan kebebasan bagi mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC.

Selain itu, syarikat berstatus MSC juga layak memohon mendapatkan modal daripada Skim Geran Multimedia dan dikecualikan daripada kawalan tukaran asing berpilih yang dikuatkuasakan oleh kerajaan, September lalu.

Katanya, nadi pembangunan MSC - Cyberjaya yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Julai ini akan mencatatkan pelbagai pencapaian menakjubkan dalam sejarah pembangunannya dengan pelbagai pelancaran akan diadakan dalam tempoh satu setengah bulan akan datang.

Pelancaran pertama akan dimulakan dengan Makmal Bestari, projek inisiatif MDC dan Sekolah Menengah Dengkil dan Sekolah Rendah Dengkil di bawah program sekolah angkat yang akan dilancarkan pada 29 Jun ini.

Mohamed Arif berkata, projek sekolah angkat itu akan memberi faedah kepada lebih 430 pelajar pada peringkat awal ini.

"Berikutannya, pada 1 Julai Inkubator Pusat MSC yang terletak dalam kawasan Universiti Multimedia di Cyberjaya akan membuka pintunya kepada usahawan tekno dan syarikat baru mula untuk dibimbing memasuki dunia perniagaan.

"Inkubator Pusat MSC ini akan ditadbir MDC dijangka dilancarkan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed," katanya.

Cyberjaya, yang juga digelar bandar raya taman bestari akan dilengkapi dengan prasarana canggih telekomunikasi berjalur lebar disediakan Telekom Malaysia yang merancang memulakan secara rasmi ibu sawat telekomunikasi Cyberjaya, CBJ2 pada 3 Julai ini.

Universiti Multimedia pula yang akan menerima kemasukan kelompok pertama 2,000 pelajar akan dirasmikan Perdana Menteri, pada 9 Julai.

"Berada di tengah-tengah Cyberjaya, universiti itu akan menjadi pusat penghasilan tenaga kerja mahir bagi MSC," katanya.

Katanya, pelancaran Cyberjaya akan diadakan serentak dengan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC ketiga, dari 8 hingga 10 Julai ini.

"Kami sedang memperincikan apa yang akan dibincangkan dalam mesyuarat itu dan kami menjangka mendapat penyertaan penuh daripada ahli panel itu," katanya.

IAP disertai 43 ahli yang dibarisi tokoh terkemuka industri teknologi maklumat (IT), telekomunikasi dan multimedia.

Sementara itu, Mohamed Arif berkata, sehingga kini 18 syarikat sudah menempatkan operasi mereka di Cyberjaya.

"Syarikat berkenaan kini berada di ibu pejabat MSC dan Taman Cyberview. Mereka terdiri daripada syarikat MSC, syarikat yang memohon Status-MSK dan entiti perniagaan lain," katanya.

(END)